

## UBAT TITIS MATA TIMOLOL

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- Merawat glaukoma



### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- Ubat ini mengurangkan tekanan di dalam mata

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MENGGUNAKANNYA

- Cuci tangan, dongakkan kepala dan lihat ke atas.
- Tarik kelopak mata ke bawah dengan lembut dan titiskan satu titisan ubat ke dalam mata.
- Biarkan kelopak mata tertutup (~30 saat) dan tekan ke dalam kelopak bawah mata dengan jari (~1 saat).
- Tunggu 5-10 minit jika perlu menggunakan lebih daripada ubat atau perlu menggunakan ubat titismata jenis yang lain.



#### B. JIKA TERLUPA

- Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa

## C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?(samb)

### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik ( $23^{\circ}\text{C} - 27^{\circ}\text{C}$ ), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali jika diarahkan oleh pengilang.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.
- ✚ Ubat titis mata tidak boleh digunakan melebihi tempoh masa 4 minggu selepas botol ubat dibuka. Catatkan tarikh buka botol untuk rujukan.

### D. PERINGATAN !!!

#### ➤ SEMASA MENGGUNAKAN UBAT INI



- ✚ Pastikan hujung depan botol tidak menyentuh mata atau sebarang permukaan lain untuk mencegah pencemaran.
- ✚ Jika anda sedang menggunakan ubat titis mata serta salap mata pada waktu yang sama, gunakan ubat titis mata dahulu.
- ✚ Jika anda memakai kanta sentuh, tanggalkan sebelum menggunakan ubat mata. Tunggu ( $\sim 15$  minit) sebelum memakai semula kanta sentuh anda. Ubat titis mata ini mungkin mengandungi pengawet yang boleh diserap oleh kanta sentuh.
- ✚ Maklumkan kepada doktor jika anda;
  - ✓ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: bengkak muka/lidah/tekak, kepe bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.)
  - ✓ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini
  - ✓ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan
- ✚ Ubat titis mata tidak boleh dikongsi dengan orang lain.
- ✚ Ubat ini mungkin boleh memudaratkan bayi didalam kandungan.
- ✚ Ibu-ibu yang menyusukan anak tidak disarankan menggunakan ubat ini.



# **AMARAN !!**

**SEKIRANYA  
TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN  
SILA  
RUJUK  
DOKTOR**

## **E. KESAN SAMPING UBAT**

✿ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- ✓ Rasa hangat atau sengat selepas menggunakan ubat titis mata,
- ✓ Penglihatan yang kabur
- ✓ Mata berair atau kering,
- ✓ Mata peka terhadap cahaya,
- ✓ Rasa pahit dalam mulut.

Rujukan:

- Risalah maklumat ubat
- Drugs.com

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---